



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892189
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.(S). 600-18/35/1 Jld.4 (33)
Tarikh : 13 April 2025

PUAN SHAHRIZA BAHARI

Bahagian Pembangunan Produktiviti & Daya Saing
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

Puan,

TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS DI BAWAH PROGRAM PENGURUSAN STRATEGIK DAN PEMBANGUNAN EKSEKUTIF KOMPETEN (PROSPEK) TAHUN 2025

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa puan telah dipilih oleh Jabatan ini untuk ditawarkan mengikuti kursus di bawah **Program Pengurusan Strategik dan Pembangunan Eksekutif Kompeten (PROSPEK) Tahun 2025** seperti butiran berikut:

Kursus : *Executive Program On System Thinking for Transformation and Sustainability*

Tarikh : 19 Mei hingga 30 Mei 2025

Lokasi : Capri by Fraser, Brisbane, Australia

Penyedia Latihan : Binaskill Academy dengan kerjasama The University of Queensland, Australia

Maklumat Lanjut : **LAMPIRAN 1**

Kehadiran puan ke kursus ini adalah **diwajibkan**. Maklumat berhubung elaun, kemudahan dan tuntutan yang layak bagi penyertaan ke kursus ini adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

3. Sebagai persediaan untuk menghadiri kursus ini, kerjasama puan adalah dimohon untuk mengambil tindakan berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Perkara</u>	<u>Tarikh Akhir</u>
i.	Melengkapkan Borang Maklumbalas Penerimaan Kursus melalui pautan yang diberikan (sila rujuk e-mel tawaran).	29 April 2025
ii.	Mengemukakan salinan buku akaun/ penyata bank (<i>online</i>) yang tertera nama penuh dan nombor akaun (akaun pembayaran gaji).	29 April 2025
iii.	Mengemukakan salinan passport yang masih mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tamat kursus/ program.	29 April 2025
iv.	Mengemukakan salinan kelulusan menghadiri persidangan, seminar dan lawatan rasmi ke luar negara yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal mengikut prosedur Jabatan/ Kementerian masing-masing. (sila rujuk penyelaras di Jabatan/ Kementerian)	9 Mei 2025

* Dokumen di perkara (ii) – (iv) hendaklah di-e-melkan kepada sc.bmi@jpa.gov.my.

4. Di samping itu, puan juga dikehendaki untuk menyediakan dua (2) salinan laporan menghadiri kursus mengikut format di **LAMPIRAN A** dan mengemukakan satu (1) salinan kepada pihak JPA (melalui e-mel kepada ukjp.bmi@jpa.gov.my) dan satu (1) salinan kepada Jabatan/ Kementerian puan dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat berkursus.

5. Puan juga dikehendaki untuk mematuhi peraturan serta syarat yang ditetapkan oleh Jabatan ini, pihak penganjur kursus dan Kerajaan negara tempat berkursus sepanjang mengikuti kursus ini. Jabatan ini juga berhak meminda syarat-syarat tawaran dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis dan puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut.

6. Sekiranya puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, puan boleh menghubungi Encik Mohd Noor Fazli bin Mamat di talian 03-8885 3432/ e-mel fazli.mamat@jpa.gov.my atau Puan Wan Nur Illya Natasha binti Wan Hassan di talian 03-8885 3417/ e-mel natasha.hassan@jpa.gov.my.

7. Kerjasama puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HARTINI BINTI RABU)
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p.: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

Salinan Kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Menara MITI, No.7
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR

Nota :

- (i) Ketua Jabatan adalah dimohon untuk memberi pelepasan kepada pegawai bagi mengikuti program ini dengan jayanya dan tidak diganggu dengan beban tugas pejabat; dan
- (ii) Ketua Jabatan juga dimohon untuk merekod kelulusan Cuti Menghadiri Kursus ke dalam Buku Perkhidmatan pegawai.